

22/10/1997

Kontrak hadapan ringgit dimula 1998

Kadir Dikoh

DAGANGAN kontrak niaga hadapan ringgit di Bursa Kewangan Malaysia (MME) kemungkinan besar bermula menjelang suku pertama tahun depan, sekali gus membenarkan syarikat tempatan mengurus risiko mata wang di negara ini.

Pengerusi Eksekutif MME, Datuk Syed Abdul Jabbar Shahabuddin, memberitahu Berita Harian semalam perbincangan lanjut sedang diadakan dengan Bank Negara Malaysia (Bank Negara) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) bagi menjayakan projek terbabit.

"Walaupun kita tidak dapat memastikan tarikh sebenar pelaksanaannya tetapi besar kemungkinan kontrak niaga hadapan mata wang ringgit itu diperkenalkan mulai tahun depan," katanya.

Ketika membentangkan Belanjawan Negara 1998 baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata SC akan memperkenalkan kontrak niaga hadapan mata wang ringgit untuk didagangkan di MME pada masa yang sesuai.

MME, yang dilancarkan pada 28 Mei tahun lalu, adalah satu-satunya bursa yang menawarkan instrumen perlindungan nilai ke atas kadar faedah ringgit. Ketika ini selain MME, ada dua lagi bursa hadapan beroperasi di negara ini iaitu Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) dan Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (Kloffe).

Syed Abdul Jabbar berkata, kemudahan itu membolehkan urus niaga mata wang ringgit dibawa kembali ke Malaysia supaya syarikat tempatan boleh menguruskan risiko tukaran asing di negara sendiri.

Beliau berkata, perangkaan rasmi menunjukkan 85 peratus kontrak niaga hadapan ringgit dilakukan di luar negara. Setakat ini, ada beberapa lokasi untuk kontrak niaga hadapan mata wang iaitu di Chicago, New York, London dan Hong Kong.

Katanya, dengan wujudnya kontrak niaga hadapan bagi ringgit di MME itu nanti akan menjadikan urus niaga perniagaan mata wang lebih telus, seperti saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Beliau juga memberitahu bahawa Bank Negara dan SC sudah meluluskan permohonan MME untuk memendekkan tempoh penyelesaian untuk niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Klibor) tiga bulan daripada suku tahunan yang sedia ada kepada asas bulanan.

Katanya, pelaksanaan kaedah baru itu akan dimulakan bagi kontrak Januari/Februari depan. Penyelesaian adalah pada hari Rabu ketiga setiap bulan.

Tujuan memendekkan tempoh penyelesaian itu, menjadikannya lebih anjal dan memberi kemudahan lindung nilai.

Bagaimanapun katanya, langkah itu bukan kerana kadar faedah turun naik sejak kebelakangan ini berikutan serangan spekulatif terhadap ringgit, malah ia sudah lama dibincangkan.

(END)